

# ***Jangan lupakan pesanan pemimpin, pensyarah, guru dan ibu bapa***

UB 25-11-2018 A1

**KOTA KINABALU:**

Graduan yang berjaya melangkah ke alam pekerjaan dinasihatkan agar sentiasa mengingati pesanan-pesanan pemimpin, para pensyarah, guru dan ibu bapa agar lebih bertanggungjawab dan beramanah.

Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin berkata, Malaysia baharu memerlukan tenaga segar, tangkas dan mantap.

“Negara sangat memerlukan tenaga kerja yang kreatif dan inovatif. Contohi cara kerja negara-negara hebat seperti Jepun seterusnya diadun mengikut keperluan tempatan.

“Nilai-nilai kerja itu akan menjadi jati diri generasi muda Malaysia yang akan menjadi tamadun kepada bangsa,” katanya ketika menyempurnakan Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-20, di sini pada Sabtu.

Beliau berkata, ilmu penting untuk dituntut tanpa mengira kaum, tempat dan waktu.

Justeru, banyak juga bidalan berkaitan ilmu pernah diungkap sebagai satu peringatan akan kepentingan ilmu itu.

“Antaranya adalah ‘tuntutlah ilmu sehingga ke liang lahad’, ini bermakna seseorang yang berilmu perlu dihormati dan orang berilmu yang tidak mempunyai ‘sarjana’ hendaklah diberi penghargaan sebagai imbalan keilmuan itu,” katanya.

Juhar juga mengingatkan para graduan bahawa sifat malas menjadikan seseorang itu lemah, daif dan gagal menyumbang tenaga untuk keluarga, negeri dan negara. - Oleh YAP SIONG HAN